# Tindakan mitigasi segera setelah punca pencemaran selut dikenal pasti

BULETIN MUTIARA Admin
October 26, 2024



GEORGE TOWN – Pihak SRS Consortium akan mengambil tindakan mitigasi pada kadar secepat mungkin setelah punca mendakan selut Pantai Esen di Permatang Damar Laut diketahui kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa SRS Consortium telah mendapatkan khidmat nasihat syarikat hidrolik dan biologi bagi mengenal pasti punca pencemaran selut dan bau busuk yang terjadi baru-baru ini.



"Selepas saya panjangkan kepada SRS Consortium, merujuk kepada jawapan diterima, mereka telah membuat lawatan dua kali bersama JAS (Jabatan Alam Sekitar) dan telah mengambil sampel untuk menentukan apakah sebab-sebab perkara ini berlaku.



"Mereka juga akan dapatkan bantuan konsultant hidraulik dan biologi untuk mendapat tahu sebab ia berlaku," ujarnya dalam sidang media di sini sebentar tadi.

## LIKE OUR FACEBOOK PAGE




## OTHER NEWS




青华俱乐部积极推动粤曲艺术 首长吁正视传承所遇挑战

October 30, 2024



全马首推 更有效管制 槟岛市厅通过电动滑板车指南

LIKE OUR FACEBOOK PAGE




OTHER NEWS




青华俱乐部积极推动粤曲艺术 首长吁正视传承所遇挑战

October 30, 2024



全马首推 更有效管制 槟岛市厅通过电动滑板车指南



**Tanah milik MBPP dekat Sungai Dua dicadang untuk pembangunan semula**



**Galeri Guar Kepah beri nilai tambah melalui arkeopelancongan**



**Aktiviti pembinaan tanpa kebenaran merancang dihadap ke mahkamah – Datuk Bandar MBSP**



**Lulus cadangan naik taraf, BKSA bakal dikenali sebagai Lembaga Sumber Air Pulau Pinang**

Sebagai tindakan segera, Kon Yeow memberitahu bahawa SRS Consortium turut menghantar pekerja-pekerja untuk membersihkan pantai berkaitan.



"(Dan) setelah medapat tahu (punca), mereka akan mengambil tindakan-tindakan mitigasi yang sesuai bagi menyelesaikan isu tersebut," ujarnya.

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : LAW SUUN TING

Video : SITI NURATIKAH RAHMAT